

05/05/2004

Elak tanding pastikan Umno kukuh

SETIAP kali menjelang pemilihan Umno, ahli dan pemimpin parti tunjang Barisan Nasional (BN) itu diingatkan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak perlu dipertandingkan atau dicabar bagi mengelak perpecahan dan kelmarin bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad, berharap amalan yang sudah menjadi tradisi itu diteruskan buat selama-lamanya. Perkara sama pernah disarankan oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno menjelang pemilihan parti pada tahun 2000, sekali gus berjaya mengelakkan perebutan jawatan pada peringkat tertinggi. Langkah itu juga adalah selari dengan amalan yang mendatangkan kebaikan kepada Umno selama ini dan ia perlu terus dipertahankan bagi menjamin kekukuhan Umno.

Ahli Umno sudah tentu masih ingat peristiwa berikutan perebutan jawatan pada 1987 yang menyebabkan parti itu berpecah dan akhirnya merugikan semua pihak. Apakah peristiwa hitam yang membawa kepada pengharaman Umno itu tidak boleh berulang? Semangat musyawarah dan pemuafakatan di peringkat tertinggi parti memang sudah lama wujud dalam Umno kerana ada semangat perpaduan dan keikhlasan di kalangan ahli dan pemimpin terhadap parti. Apa yang penting, ahli dan pemimpin Umno tidak mudah lupa prinsip kepentingan parti mengatasi kepentingan peribadi dalam keghairahan merebut jawatan.

(END)